

S-H 10/11/2019 m/s 14

Tiga bot beroperasi di jeti haram disita

MELAKA TENGAH - Tiga bot yang digunakan oleh sebuah syarikat perkhidmatan bot yang telah mengubah suai benteng pemecah ombak untuk dijadikan jeti haram disita dalam Operasi Khas Laut Dalam di Tanjung Kling di sini malam kelmarin.

Bot yang disewa daripada sebuah syarikat bot di Johor itu bukan sahaja didakwa mencero boh tanah kerajaan malah penyebab berlakunya kerosakan pada benteng tersebut.

Exco Pertanian, Pembangunan Usahawan Koperasi dan Industri Asas Tani Negeri Melaka, Datuk Norhizam Hassan Baktee berkata, tindakan menyita bot terpaksa diambil selepas syarikat berkenaan tidak mengendahkan beberapa amaran dan peringatan oleh Pejabat Tanah Daerah Melaka Tengah sebelum ini.

Menurutnya, tindakan mencero boh tanah kerajaan itu bukan sahaja menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kerugian namun menyebabkan nelayan



Keadaan benteng pemecah ombak yang didakwa dirosakkan oleh syarikat perkhidmatan bot di Melaka.

turut menerima impak negatif.

“Salah tetap salah. Kita akan ambil tindakan semaksimum mungkin mengikut undang-undang yang ada agar perbuatan tersebut dapat menjadi pengajaran kepada orang lain serta tidak sewenang-wenangnya tanah kerajaan diceroboh,” katanya.

Beliau berkata, benteng tersebut dibina bagi membantu golongan nelayan namun mereka didakwa telah mengambil kesempatan sehingga pagar yang telah

dikunci turut dibuka dan dicero boh.

Dalam perkembangan lain, Norhizam yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu memandang serius masalah nelayan yang masih tidak memiliki lesen dan akan berusaha membuat mendapatkannya termasuk mengaturkan perjumpaan bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub agar nasib mereka mendapat pembelaan.